

01/11/2001

Dunia mula akui keperluan ISA cegah keganasan

Khairul Anwar Rahmat

MASYARAKAT dunia mula memberi pandangan positif terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan kejadian dua pesawat penumpang yang dirampas pegganas, merempuh Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington, hingga menyebabkan beribu-ribu orang terbunuh bulan lalu.

Seperti yang sering diucapkan pemimpin Malaysia, negara yang berdaulat tidak boleh mengambil sikap tunggu dan lihat dalam menghadapi ancaman dan serangan pegganas.

Justeru, jika pihak berkuasa mendapati individu atau kumpulan tertentu cuba melakukan atau merancang sesuatu yang bakal memudaratkan keselamatan negara, tindakan segera perlu diambil untuk menahan mereka walaupun belum menemui sebarang bukti kukuh untuk mensabitkan kesalahan.

Di sinilah ISA berfungsi sebagai akta pencegah kerana proses mengumpulkan bukti dan maklumat mengambil masa yang lama dan keadaan mungkin sudah bertambah rumit pada masa pihak berkuasa hendak bertindak.

Sebagai contoh, Amerika Syarikat yang selama ini mendabik dada sebagai negara pejuang hak asasi manusia, masih tercari-cari punca serangan pegganas terhadap mercu tanda negara mereka.

ISA yang dipertikaikan sesetengah negara, termasuk Amerika, kononnya kerana bercanggah dengan hak asasi manusia, terbukti mampu mengelakkan negara daripada serangan dan ancaman pegganas.

Sejarah turut membuktikan bahawa sejak sekian lama, akta ini berjaya mengekalkan keamanan dan keharmonian, sekali gus membolehkan negara memacu kejayaan dalam pelbagai bidang.

Sungguhpun hebat dikritik, kerajaan tetap mempertahankan dan menggunakan peruntukan dalam akta itu dengan penuh tanggungjawab demi kepentingan negara dan rakyat.

Sesiapa saja tidak terkecuali daripada ditahan mengikut ISA jika disyaki cuba melakukan kesalahan atau merancang kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara.

Mereka yang ditahan akan disoal-siasat dan jika terbukti melakukan kesalahan, akan terus ditahan bagi tempoh tertentu.

Sebaliknya, mereka yang didapati `bersih' akan dibebaskan dan dibenarkan menjalani hidup seperti biasa.

Memetik kata seorang ahli Dewan Rakyat, ramai bekas tahanan ISA kini bebas melakukan apa saja, termasuk dipilih sebagai wakil rakyat. Malah, ada antara mereka yang boleh disifatkan lebih berjaya berbanding sebelum ditahan.

Hakikat ini membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang sentiasa mendukung prinsip hak asasi manusia dan mahukan hak itu dinikmati semua rakyat.

Penggunaan akta berkenaan adalah wajar untuk menghalang segelintir individu di negara ini yang ingin melakukan tindakan yang boleh menjejaskan hak asasi majoriti yang ingin hidup, mencari rezeki dan menjalankan aktiviti harian dalam keadaan aman dan selamat.

Bagaimanapun, usaha kerajaan membendung keganasan sering disalahertikan, terutama setiap kali ISA digunakan sebagai langkah pencegahan.

Pihak pembangkang, umpamanya, menuduh kerajaan cuba menafikan hak seseorang mengikut undang-undang dan melakukan pencabulan ketara terhadap hak asasi manusia.

Bagaimanapun, pihak yang menentanginya selama ini gagal untuk menyedari kebaikan yang dibawa oleh pelaksanaan akta itu sendiri dalam membendung

sesuatu bentuk ancaman daripada menular menjadi terlalu besar hingga sukar ditangani.

Sebagai contoh, ketika sebilangan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) ditahan mengikut ISA kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan memudaratkan keselamatan negara baru-baru ini, ia mencetuskan bantahan beberapa pihak.

Namun, tindakan kerajaan terbukti berasas apabila siasatan mendapati KMM membuat pakatan sulit dengan gerakan militan di Indonesia dan selatan Filipina bagi menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Kecekapan pihak berkuasa menghidu pergerakan kumpulan itu dan menahan mereka mengikut ISA tidak harus dipertikaikan kerana proses perundangan biasa akan hanya melengahkan penahanan mereka.

Pihak yang lantang mengkritik akhirnya mengakui bahawa tindakan tegas kerajaan membasmi kegiatan militan, adalah satu langkah tepat dan kena pada masanya.

Majoriti rakyat Malaysia turut berpendapat kegiatan militan yang didalangi pihak tertentu tidak boleh dibiarkan kerana boleh mengancam keselamatan penduduk negara ini.

Kejadian serangan terhadap Pentagon dan WTC di Amerika Syarikat, misalnya, jelas menunjukkan betapa bahayanya gerakan militan jika tidak dibendung dari awal.

Kini seluruh dunia mengakui bahawa dalam hal berkaitan keganasan, Malaysia mampu mengambil tindakan awal sebelum ia menjadi terlalu rumit sehingga tidak mungkin dapat dikawal lagi.

Bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa ISA adalah langkah terakhir dilaksanakan dalam menghadapi ancaman keselamatan kerana kerajaan tidak mahu dianggap menggunakan akta berkenaan demi kepentingannya semata-mata.

Hanya selepas kegiatan individu terbabit berada pada tahap serius dan boleh memudaratkan keselamatan negara, barulah ISA dikuatkuasakan.

Hakikatnya, dalam sejarah negara, kerajaan jarang menggunakan ISA. Malah, sejak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada 1981, boleh dikatakan hampir semua tahanan ISA sudah dibebaskan.

Peruntukan dalam ISA digunakan sebagai langkah terakhir bagi mengelak kejadian huru-hara berlaku dalam negara yang akhirnya membantutkan segala usaha pembangunan.

Sudah pasti, kerajaan tidak mahu dipersalahkan orang ramai apabila gagal bertindak jika berlaku insiden atau peristiwa yang menggugat keselamatan negara.

Tuduhan pembangkang bahawa penangkapan ISA bermotifkan politik demi kepentingan Umno adalah perkara biasa dan sudah lali didengar rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian.

Rakyat Malaysia sendiri boleh menilai jika apa yang diperkatakan itu benar. Kerajaan tidak menangkap beberapa anggota pertubuhan peringkat bawahan, sebaliknya pemimpin utama pembangkang yang dijadikan sasaran.

Golongan ini juga sengaja menutup mata apabila dalam banyak keadaan, mereka dibenarkan berhimpun dan berceramah memaki-hamun kerajaan serta pihak keselamatan.

Sesungguhnya, ISA adalah perisai dan ubat paling mujarab untuk merawat pemikiran segelintir pihak yang tidak tahu bersyukur dengan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati Malaysia.

Majoriti rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang kerajaan, apatah lagi Konvensyen Hak Sivill dan Politik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperakui bahawa ada masanya sekatan terhadap hak tertentu perlu dilakukan demi keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Hak itu termasuk kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan kerana dalam keadaan tertentu, kebebasan tanpa sekatan akan menyebabkan huru-hara kepada sesebuah negara.

Persoalan sekarang ialah bukannya sama ada sekatan terhadap hak tertentu itu wajar atau tidak tetapi sama ada sekatan itu berpatutan dan perlu untuk mengekalkan keamanan dan ketenteraman awam dalam keadaan tertentu.

Dalam soal ini, pemimpin Malaysia lebih arif dalam menentukan apa yang terbaik untuknya.

Sebarang pendirian berlawanan, baik pada pembangkang atau kumpulan minoriti yang sehaluan dengannya, tidak akan mengubah apa-apa selagi sesuatu tindakan yang diambil dirasakan adil dan wajar.

(END)